

# 'Kesepakatan Membangun Generasi Berintegriti'

## Kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah UMS anjur Diskusi Hal Ehwal Sejagat



**KOTA KINABALU:** Program Diskusi Hal Ehwal Sejagat anjuran Kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah Universiti Malaysia Sabah (AMARUMS) diadakan setiap tahun melibatkan Mahasiswa dan orang awam.

Program ini membincangkan mengenai gejala rasuah dari perspektif tiga agama iaitu Islam, Kristian

dan Buddha.

Program ini dijalankan pada 15 November di Dewan Kuliah Pusat ke-27 (DKP Baru).

Program ini bermula seawal jam 7.30 malam dan berakhir pada jam 10 malam.

Program ini juga disertai oleh Jafizan Mohd Pilus selaku bekas pemimpin belia 4B Alor Gajah Melaka dan bekas Pegawai Arkib Negara Malaysia dan Mr Yong Swee Lin selaku Pengerusi Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM) cawangan Sabah, 130 orang mahasiswa UMS dan 15 orang awam.


Objektif utama ini dijalankan adalah untuk memberi pengetahuan

berkaitan isu rasuah dan integriti dari tiga perspektif agama.

Selain itu, program ini dapat memberi pendedahan kepada generasi muda dan masyarakat tentang bahaya kesan gejala rasuah terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Seterusnya, dapat menanamkan sifat antirasuah dalam diri individu dan masyarakat yang bakal menerajui negara di masa hadapan.

Menurut Dr Hajah Suhailah selaku Pensyarah Kanan Program Pendarasan Islam Universiti Malaysia Sabah, melalui program seperti ini dapat menyedarkan lagi lebih ramai mahasiswa dan masyarakat



**BERSAMA VIP:** Sesi bergambar bersama VIP, panel dan peserta Diskusi Hal Ehwal Sejagat 2019.

untuk mencegah perkara kemungkaran seperti rasuah agar isu berkenaan

tidak terus menular dalam kalangan masyarakat pada masa akan datang.



**TETAMU UNDANGAN:** Barisan VIP bersama ahli panel, bekas pegawai Arkib Negara Malaysia dan jemputan.

Barisan VIP yang lain juga memuji usaha kelab AMARUMS yang bergiat aktif dalam menganjurkan program-program sebegini sebagai usaha untuk membanteras gejala rasuah. Pelbagai maklumbalas positif yang diterima daripada para hadirin yang memuji usaha pihak penganjur dan menyarankan agar program seperti ini diteruskan lagi.

Melalui pengajuran program Diskusi Hal Ehwal Sejagat, Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah

Universiti Malaysia Sabah (AMARUMS) berharap agar lebih banyak program seperti ini dapat dianjurkan pada masa yang akan datang supaya mahasiswa diberi pendedahan mengenai kepentingan pencegahan rasuah serta bahaya rasuah dalam kehidupan seharian.

Selain itu, program itu mampu melahirkan pelajar dan mahasiswa yang berintegriti selaras dengan tema program ini iaitu 'Kesepakatan Membangun Generasi Berintegriti'.



**PANEL:** Barisan panel Diskusi Hal Ehwal Sejagat 2019 dan moderator.